

26 MAR 2001

Hamid-Islam (Bergambar)

UMAT ISLAM PERLU BERANI TENTANG GEJALA CEMARKAN AGAMA, KATA ABDUL HAMID

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Umat Islam perlu berani menentang secara berkesan segala gejala yang boleh mencemarkan wajah dan citra agama Islam, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Beliau berkata seperti yang terbukti oleh sejarah, akibat gejala-gejala itulah usaha umat Islam untuk mencapai kejayaan, seringkali menemui kegagalan.

"Kita tentangi permomokan terhadap Islam dan fenomena kebangkitannya oleh barat, kita juga harus menentang gejala ekstrimisme, gejala-gejala seperti sewenang-wenangnya meremehkan saudara seagama kononnya tidak Islam, menggunakan cara kekerasan yang tidak kena pada tempat dan waktunya dan lain-lain yang tidak melambangkan kemurniaan akhlak Islam itu sendiri " kata beliau.

Abdul Hamid berkata demikian pada Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah 1422 peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil, hari ini yang turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perhimpunan yang bertemakan "Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah" itu turut dihadiri isteri perdana menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan isteri timbalan perdana menteri Datin Seri Endon Mahmood.

Abdul Hamid berkata walaupun gejala-gejala yang diperkatakan itu mungkin kecil tetapi impaknya terhadap imej Islam adalah besar seperti kata pepatah Melayu "hanya nila setitik rosak susu sebelanga."

Katanya perwatakan menerusi gelagat dan tingkahlaku yang mengaibkan Islam akan hanya menyebabkan tertutup dan terkambusnya segala kebaikan agama kerana masyarakat menghukum Islam itu melalui persembahan umat-umatnya.

"Betapa tidak demikian, Islam agama yang cintakan kedamaian tetapi ditunjukkan oleh umatnya sebagai suka kepada huru-hara, Islam mengajar bertolak-ansur tetapi ditunjukkan sebagai kejam dan bengis dan begitulah seterusnya yang sungguh memalukan," kata beliau.

Umat Islam, tegas Abdul Hamid, harus insaf dan tidak melupakan bahawa agama Islam itu merupakan milik mereka yang termahal dan hendaklah dipelihara dengan penuh rasa sayang dan cemburu.

Abdul Hamid berkata penyegaran semula ciri-ciri perwatakan mukmin yang kuat, yang berlandaskan kepada sifat-sifat keunggulan peribadi, haruslah disegerakan bagi menyelamatkan umat Islam yang telah sekian lama ditimpa malang.

Sementara itu pada sidang media selepas majlis sambutan itu, Tokoh Maal Hijrah tahun ini, Datuk Dr Ismail Ibrahim berkata umat Islam di negara ini, yang sekadar 54 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk, tidak boleh berpecah-belah dalam menghadapi isu yang menyentuh kepentingan agama.

"Jikalau kita (umat Islam) berpecah, kita akan menjadi golongan minoriti dan ini akan menyukarkan kita untuk menuntut hak kita di atas dasar minoriti," katanya.

Beliau berkata kepentingan untuk mempertahankan agama Islam serta hak dan keistimewaan orang Melayu perlulah mengatasi perbezaan politik kepartian.

"Janganlah kita terlalu mempolitikkan agama Islam sehingga ia merugikan kita sendiri. Kalau kita selalu politikkan bermakna untuk selama-lamanya

kita akan terpinggir," katanya.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang turut hadir berkata, umat Islam negara ini perlu bersatu untuk mempertahankan hak agama Islam seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan.

-- BERNAMA

MHI AR RON